

## **PRAKTIKUM PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN**

### **1. KONSEP**

Praktikum ialah latihan praktik yang merupakan komponen wajib dalam program pendidikan guru. Praktikum memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah. Pelaksanaan program peringkat ini memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dengan bimbingan pensyarah pembimbing dan guru pembimbing melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara agensi-agensi..

### **2. OBJEKTIF**

Melalui program praktikum ini, pelajar dapat:

- \* menyepadukan teori dengan amali pengajaran dan pembelajaran
- \* mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran
- \* mengapikasi kemahiran mentaksir dan menilai
- \* merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berpasangan dan individu
- \* mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran
- \* memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai profesionalisme keguruan;
- \* memperkembangkan potensi diri sebagai pendidik melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri
- \* mengoptimumkan kegunaan pelbagai sumber dan teknologi dalam proses pengajaran pembelajaran
- \* menguasai kemahiran fasilitator dan
- \* menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum.

### **3. PROSEDUR PELAKSANAAN**

#### **(i) Syarat**

Pelajar dikehendaki menyempurnakan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) mengikut struktur kursus yang telah ditetapkan bagi setiap semester.

**(ii) Penempatan**

- a) Penempatan pelajar dibuat secara permuafakatan antara UNISEL dan sekolah dengan persetujuan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN).
- b) Pelajar ditempatkan di sekolah rendah.

**(iii) Tempoh**

Tempoh pelaksanaan praktikum adalah seperti ditetapkan dalam struktur kursus.

**(iv) Bilangan Waktu Mengajar**

- a) Minimum 7 Jam mengajar seminggu
- b) Maksimum 12 jam mengajar seminggu
- c) Pelajar major prasekolah dicadangkan mengajar 2 hari pengajaran sepenuhnya dalam seminggu.

**(v) Bilangan Penyeliaan**

- a) Penyeliaan hendaklah berasaskan pencerapan klinikal.
- b) Bimbingan berterusan perlu diamalkan sepanjang praktikum.
- c) Penilaian hanya dibuat selepas bimbingan diberikan.
- d) Penyeliaan bersama antara pensyarah pembimbing dan guru pembimbing perlu dijalankan dua minggu sebelum tamat praktikum.

**4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

**(i) Pelajar**

- a) Menghadiri taklimat yang dikendalikan oleh Unit Praktikum
- b) Memahami dan berusaha mencapai matlamat dan objektif praktikum
- c) Berbincang dengan pensyarah pembimbing dan guru pembimbing untuk mencapai persefahaman tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa praktikum
- d) Membina hubungan profesional dengan pengurus sekolah, guru-guru dan staf sokongan di sekolah
- e) Menyerahkan jadual waktu, senarai tugas, takwim sekolah dan maklumat-maklumat lain kepada pensyarah major dan elektif sebelum prapenyeliaan

- f) Mematuhi dan mengamalkan etika profesion perguruan, peraturan UNISEL dan peraturan sekolah
- g) Hadir ke sekolah dan terlibat dengan aktiviti anjuran sekolah di sepanjang tempoh praktikum
- h) Menandatangani buku rekod kehadiran pada setiap hari persekolahan
- i) Melengkapkan dan menghantarkan borang kehadiran praktikum ke Unit Praktikum
- j) Mendapatkan sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran
- k) Membuat rancangan mingguan dan harian dalam buku persediaan mengajar
- l) Membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang lengkap mengikut format sebelum melaksanakan pengajaran
- m) Mendapatkan bimbingan daripada guru pembimbing semasa merancang pengajaran
- n) Melaksanakan pengajaran pada setiap minggu dengan mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran
- o) Mengamalkan penulisan jurnal reflektif berdasarkan isu atau masalah yang kritikal semasa praktikum. Penulisan jurnal dibuat berdasarkan tempoh masa yang diambil bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau isu yang difokuskan.
- p) Melibatkan diri dan membantu pengendalian sekurang-kurangnya satu komponen kokurikulum
- q) Melengkapkan, mengemaskinikan dan menyerahkan portfolio amalan profesional kepada guru pembimbing dan pensyarah pembimbing pada setiap kali bimbingan/penyeliaan dijalankan

**(ii) Pensyarah Pembimbing**

- (a) Menerima surat pelantikan sebagai pensyarah pembimbing .
- (b) Menghadiri taklimat praktikum .
- (c) Berbincang dengan pelajar tentang urusan bimbingan dan penyeliaan praktikum
- (d) Merancang jadual bimbingan dan penyeliaan praktikum

- (e) Mengadakan perbincangan dengan pengurus sekolah dan guru pembimbing secara berterusan untuk menjalankan hubungan profesional
- (f) Melaporkan kemajuan dan kes-kes disiplin pelajar dari semasa ke semasa kepada Penyelaras Praktikum
- (g) Menyemak dan membimbing pelajar dalam penulisan refleksi pengajaran, penulisan jurnal reflektif dan pembinaan portfolio praktikum dengan menggunakan senarai semak yang ditetapkan
- (h) Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini
- (i) Memantau kehadiran, prestasi dan disiplin pelajar sepanjang tempoh praktikum
- (j) Memaklumkan dengan segera secara bertulis kes-kes khas yang memerlukan perhatian dan tindakan Penyelaras Praktikum dengan menggunakan borang yang ditetapkan
- (k) Menyemak dan mengesahkan buku persediaan mengajar pelajar
- (l) Memberi bimbingan berasaskan prinsip-prinsip pencerapan klinikal
- (m) Menyelia secara tersebar sepanjang tempoh praktikum mengikut jadual penyeliaan yang telah dicadangkan
- (n) Membimbing pelajar-pelajar dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian kokurikulum
- (o) Bekerjasama dengan guru pembimbing dalam semua aspek pelaksanaan praktikum
- (p) Membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah pendidik yang cemerlang
- (q) Melengkapkan borang bimbingan (PR1) dan menyerahkan salinan asal kepada pelajar
- (r) Pensyarah wajib membuat rumusan prestasi praktikum setiap pelajar bersama-sama guru pembimbing.

### **(iii) Guru Pembimbing**

- (a) Memahami, menghayati dan melaksanakan peranan sebagai guru pembimbing
- (b) Memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pelajar dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah :
  - jadual waktu

- sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, panduan guru
  - rancangan semester dan persediaan mengajar harian
  - sumber pengajaran dan pembelajaran
  - proses pengajaran dan pembelajaran
  - amalan pemulihan dan pengayaan di dalam pengajaran dan pembelajaran
  - teknik penyoalan
  - pentaksiran dan penilaian murid
  - pengurusan bilik darjah
  - penilaian sendiri (refleksi) dan penulisan jurnal reflektif
  - pengelolaan (perancangan, pelaksanaan dan penilaian kokurikulum)
  - hal-hal lain yang berkaitan
- (c) Memberi peluang kepada pelajar memerhati pengajaran
- (d) Menyemak, memberi ulasan bertulis
- (e) Menyemak dan membimbing pelajar dalam penulisan refleksi pengajaran, penulisan jurnal reflektif dan pembinaan portfolio praktikum dengan menggunakan senarai semak.
- (f) Membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah pendidik yang cemerlang
- (g) Menyelia pengajaran pelajar berdasarkan prinsip pencerapan klinikal dengan menggunakan borang bimbingan (PR1)
- (h) Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini
- (i) Memaklumkan kepada pengurus sekolah mengenai kemajuan pelajar dari semasa ke semasa sepanjang tempoh praktikum
- (j) Memantau kehadiran pelajar sepanjang tempoh praktikum
- (k) Membuat laporan bertulis tentang kes-kes khas (cemerlang, gagal, masalah disiplin) pelajar kepada pihak Penyelaras Praktikum dengan segera
- (l) Membuat rumusan prestasi praktikum pelajar bersama pensyarah pembimbing .

**(iv) Pengurus Sekolah**

- (a) Mencalonkan guru pembimbing dalam kalangan guru terlatih yang berpengalaman dan sanggup membimbing pelajar sepanjang tempoh praktikum
- (b) Memberi taklimat kepada pelajar tentang:
- sejarah, struktur organisasi, pengurusan, peraturan, disiplin dan budaya sekolah
  - tugas dan tanggungjawab pengurus sekolah, guru penolong kanan, guru disiplin, guru panitia, guru kokurikulum, guru darjah, guru mata pelajaran, guru tugas khas dan tugas staf sokongan

- latar belakang murid dan masyarakat setempat
  - tugas dan tanggungjawab pelajar di sekolah
  - pengelolaan gerak kerja kokurikulum
  - maklumat-maklumat lain yang berkaitan
- (c) Memberi jadual waktu dan takwim sekolah kepada pelajar
- (d) Mengawasi disiplin pelajar dan mengesahkan kehadiran mereka.
- (e) Memberitahu secara bertulis kepada pihak Unisel tentang pelajar yang:
- tidak menjalankan tugas dengan memuaskan
  - tidak hadir tanpa sebab.
  - terlibat dengan kes-kes disiplin
  - menghadapi masalah kesihatan dan kemalangan
- (f) Menyemak dan mengesahkan rancangan pengajaran pelajar
- (g) Mengesahkan kehadiran pelajar dengan menandatangani Borang Kehadiran Praktikum
- (h) Memastikan guru pembimbing memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara berterusan kepada pelajar, berdasarkan jadual kerja penyeliaan yang disediakan
- (i) Mengambil tahu hal-hal berkaitan dengan kebajikan pelajar
- (j) Memastikan segala proses berkaitan dengan pelaksanaan penyeliaan praktikum dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan
- (k) Memastikan pelajar dilibatkan sebagai pembantu guru dalam salah satu komponen kokurikulum sama ada kelab/persatuan, unit beruniform atau sukan/permainan

## 5. KEHADIRAN PRAKTIKUM

- (a) Pelajar diwajibkan hadir 100% semasa praktikum.
- (b) Perkara-perkara yang membolehkan pelajar tidak hadir praktikum hanya **dengan kebenaran** tetapi tidak melebihi 30% daripada jumlah hari praktikum ialah :
- Pelajar sakit atau cedera dan disahkan oleh pegawai perubatan
  - Menjadi saksi atau terlibat dalam perbicaraan kes mahkamah
  - Keluarga terdekat meninggal dunia dengan disertakan sijil kematian
  - Peristiwa di luar jangkaan atau hal-hal kecemasan
  - Sebab-sebab lain yang diberi kebenaran oleh Presiden/ Naib Canselor Unisel

- (c) Tindakan bagi kehadiran yang kurang daripada 100% “**dengan kebenaran**” adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual Berikut**.

| <b>Kehadiran Praktikum</b> | <b>Tindakan</b>                                                                                                 |
|----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 90% ke atas                | Pensyarah dan pihak sekolah akan menentukan sama ada pelajar perlu melengkapkan kehadiran praktikum atau tidak. |
| 70% - 89.9%                | Pelajar wajib melengkapkan kehadiran praktikum.                                                                 |
| Kurang daripada 70%        | Pelajar wajib mengulang keseluruhan praktikum.                                                                  |

**Jadual : Tindakan Bagi Kes Kehadiran Praktikum Kurang Daripada 100%**

- (d) Kehadiran praktikum yang kurang daripada 100% tanpa sebab atau tanpa kebenaran, kesnya akan dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib AJK untuk diambil tindakan.

## **6. KES GAGAL PRAKTIKUM**

- (a) Pelajar yang gagal praktikum perlu disahkan oleh Jawatankuasa Induk Praktikum Unisel.
- (b) Pelajar yang gagal praktikum diberi peluang mengulang sekali sahaja bagi setiap peringkat praktikum.

## **7. WAJARAN PENILAIAN PRAKTIKUM**

- 9.1 Penilaian bagi setiap peringkat praktikum dibuat berdasarkan BORANG PENILAIAN.